

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN DI UPACARA PEM- BUKAAN MAKTAB TENTERA PERSEKUTUAN, DI KUALA LUMPUR PADA 20HB JUN, 1961

Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung¹ dan Raja Permaisuri Agung, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan² dan Tengku Ampuan Selangor, Yang Teramat Mulia Perdana Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Menteri-menteri, Encik-eacik dan Puan-puan sekalian.

Saya suka ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Tengku Ampuan Selangor kerana sudi hadir mencemar duli di upacara pembukaan Maktab Tentera Persekutuan pada hari ini. Sebelum saya memohonkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dengan limpah kurnianya mengisytiharkan pembukaan Maktab ini saya suka menerangkan dengan ringkas asal usul dan tujuan Maktab Tentera Persekutuan ini.

Maktab ini ditubuhkan oleh kebijaksanaan Field Marshall Tun Templer, pada satu masa Pesuruhjaya Tinggi British di sini. Dia sendirilah yang telah merika ayat pertama Piagam Maktab ini yang tertulis di muka hadapan acara istiadat. Ayat itu menerangkan tujuan Maktab ini yang lebih luas daripada mengeluarkan Pegawai-pegawai bagi Angkatan Tentera kita. Peraturan tinggal di sini adalah serupa dengan keadaan dalam tentera supaya boleh mendirikan tatatertib dan menyalakan semangat berkhidmat yang dikehendaki daripada sesiapa yang bekerja kerana Negara. Semangat itu terkandung di dalam moto Maktab ini iaitu "berkhidmat supaya memandu".

Maktab Tentera Persekutuan ini dirumahan pada tahun 1953 di bangunan sementara di Port Dickson. Daripada hari itu sampai pada hari ini Maktab ini telah mengeluarkan beberapa pegawai-pegawai Angkatan Tentera dan pada masa ini boleh dikatakan

¹ D.Y.M.M. Tunku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamallullail.

² D.Y.M.M. Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah.

sebahagian besar daripada pegawai-pegawai Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara Persekutuan ialah murid-murid yang tamat daripada Maktab ini. Maktab ini ada juga melatih pegawai-pegawai cadet daripada Angkatan Tentera Singapura dan Brunei. Selain daripada itu banyak juga murid-murid yang tamat daripada Cawangan Budak Maktab ini sekarang berusaha sebagai doktor, loyar di dalam perdagangan dan perusahaan. Ini tidaklah menjadi suatu perkara yang boleh dihairankan oleh sebab kelulusan yang dicapai oleh Maktab ini tinggi mutunya. Pada tiap-tiap tahun tingkatan pelajaran pun bertambah-tambah maju dan permintaan pada perkhidmatan murid-murid yang telah tamat di dalam apa golongan pun telah bertambah-tambah banyak Sungguhpun bagitu saya percaya mereka-mereka yang berkehendakkan pada perkhidmatan murid-murid yang tamat daripada Maktab ini memandang tinggi pada tatatertib, kepercayaan diri, amanah dan kesetiaan yang diutamakan di dalam Maktab ini.

Istiadat hari ini adalah lagi satu langkah kehadapan bagi Maktab ini. Sudahlah memang tujuan Kerajaan Persekutuan hendak mendirikan suatu bangunan yang bersesuaian dengan taraf tujuan-tujuannya yang tinggi itu. Dengan kemurahan hati Kerajaan British bangunan yang permai ini telah dibina. Oleh sebab itu saya suka hendak mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Seri Paduka Baginda United Kingdom atas pertolongannya. Saya suka juga hendak mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih pada pegawai-pegawai turus Angkatan Tentera, pada pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya, dan mereka-mereka yang telah merancang mengatur dan membina Maktab yang permai ini.

Saya tidak merasa syak dan waham lagi bahawa Maktab Tentera Persekutuan ini telah menjadi suatu pertubuhan Negara yang penting dan akan senantiasa mengambil tempat yang bertambah-tambah tinggi di dalam pembangunan Negara Persekutuan ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, patek mohonkan Tuanku dengan limpah kurnia Tuanku mengisytiharkan pembukaan Maktab ini.